

RAHSIA AL-QURAN -DARI SEGI ILMU DAN FALSAFAH

KEADILAN ISLAM MELIPUTI KAWAN DAN LAWAN.

Ayat yang ke 113 “Surah Hud “ sebagaimana yang telah tersiar huraianya dalam bilangan yang lalu adalah tujuannya yang benar penting sekali ialah menarik perhatian umat Islam supaya beringat dan jangan sekali-kali menyerahkan nasib dan meletakkan kepercayaan kepada orang-orang asing.

Orang-orang Islam dituntut supaya mereka memperjuangkan nasib sendiri dan menentang tiap-tiap pergerakan yang hendak merosakkan kehormatan agama bangsa dan tanah air.

(Oleh Abdullah Basmeh)

Sebagaimana ajaran Islam menganjurkan supaya pemeluk-pemeluknya mempertahankan taraf dan kehormatan mereka dengan bersungguh-sungguh sehingga telah dijanjikan bahawa orang-orang yang bersifat bacul akan menerima dua kehinaan – dunia akhirat, maka sebegitu pula Islam telah menganjurkan supaya berlaku adil sesama sendiri dan kepada orang-orang yang bukan Islam yang hidup aman damai dan menjadi rakyat yang baik.

Banyak contoh kalau hendak disebut berkenaan perkara ini yang telah terjadi di dalam masa kerajaan Islam sedang memuncak tinggi dan memegang tampuk siasah dunia, di Timur dan Barat.

Tetapi lebih utama kalau kita berbalik ke zaman Rasulullah sallallah alaih wassalam kerana di dalam masa hayatnya telah berlaku suatu peristiwa yang telah tercatat di dalam kitab suci Al-Quran yang akan menjadi iktibar kepada seluruh manusia bahawa kebenaran itu tetap kebenaran walau dari pihak mana sahaja terbitnya dan demikian juga akasnya.

Peristiwa yang besar ini telah menghiasi “Surah An-Nisa” dari ayat yang ke 105 hingga 113. Ringkasnya menurut keterangan Ibnu Abbas :

Bahawa seorang daripada suku: “Bani Zafar” bernama “Ta’amah” telah mencuri baju rantai hak seorang

jirannya. Malangnya si pencuri itu tidak sedar bahawa sumpit yang berisi dengan baju rantai itu ada berisi tepung dan berlubang pula, dan kerana itu telah berciciran di sepanjang-panjang jalan hingga ke rumahnya. Sesampainya di rumah, ia telah keluar balik lalu disembunyikannya di rumah seorang Yahudi yang menjadi jirannya.

Setelah perkara itu gubar di kampung dan orang yang kecurian barang bersama-sama beberapa orang jirannya berkejaran mencari si pencuri itu, maka sudah tentu mereka dapat mengikuti jejak hingga ke rumahnya disebabkan tepung yang telah berciciran itu. Tetapi oleh kerana dia bermati-matian menidak dan membersihkan dirinya lagi pun ciciran tepung itu setelah terhenti di rumahnya berciciran pula hingga ke rumah jirannya orang Yahudi itu, maka mereka pun bekerja ke rumah Yahudi yang telah mengaku bahawa sumpit itu disimpan oleh “Ta’amah” (si pencuri) kepadanya. Lalu dia membawa beberapa orang Yahudi menjadi saksi.

Oleh kerana perkara ini terlalu berat dan hukumannya ialah “potong tangan”, maka sudah tentu suatu perbalahan yang hebat telah berbangkit di antara kaum “Ta’amah” (Islam) dan kaum Yahudi yang tidak semena-mena telah terkait itu. Masing-masing berperiperi membersihkan rakannya. Kaum “Ta’amah” pun pergi mendapatkan Rasulullah

(SAW) memberi keterangan palsu mengatakan Ta'amah teraniaya dan memohon kiranya baginda membelanya. Kata Ibnu Abas – nyaris-nyaris junjungan kita terpengaruh mempercayai apa yang mereka katakan itu dan nyaris-nyaris pula orang Yahudi itu dipotong tangannya.

Untuk menegakkan kebenaran maka Tuhan azza wajalla pada ketika itu juganya telah menurunkan firman-Nya kepada junjungan kita menjelaskan siapa yang salah dan siapa yang benar, dan telah mencela dengan kerasnya akan perbuatan “Ta'amah” dan kaumnya yang salah itu, bahkan mereka telah dicap dengan “pengkhianat” kerana hendak menganiaya Yahudi itu dengan tidak bersebab dan hendak memperdaya Rasulullah (SAW) supaya berhukum dengan hukuman yang salah. Tuhan juga telah memberi ingat kepada junjungan kita supaya bercermat tatkala menerima sesuatu pengaduan.

Lebih lanjut lihat “surah An-Nisaa” dari ayat 105 hingga 113, firman-Nya:

Inna anzalna ilaika al-kitab bi al-Haq li tahkumu bainan-nas bira araka Allah wa la takun li al-ghainin khasima.

Wala tajadalu 'anilazi yakhtanu anfusahum, inna Allah la yuhibbu min kaana khuwana asima.

Yastagfun minna an-nas wala yatagfuna min Allah wa huwa ma'ahum iz yabituun mala yardhi min al-qaul, wa ka na Allah bima ya'maluna muhida.

Ha antum ha ula i jadaltum 'anhum fi al-hayat ad-dunya faman yujadilu Allah 'anhum yaum al-qiyamah am yakun 'alaihimi wakila.

Wa man ya'mal sua au yazlamu nafsah summa yastagfar Allah yajdi Allah ghafuran rahima.

Wa man yaksab khati'ati au asima summa yaram bih yaraya faqad ihtamal buhtanan wa asiman mubina.

walau laafdhal Allah 'alaika wa rahmatuhu lahimta toifatan minhum inna yadulluka wa ma yadilluna illa anfusahum wama yadhrunaka min syai, wa anzal Allah alaika al-kitab wa al-hikmah wa alimka maalam takun ta'lam. wa kana fadhl Allah alaika 'azima.

Maksud kesembilan-sembilan ayat ini :

“Sesungguhnya kami turunkan Quran ini kepadamu (ya Muhammad) dengan sebenarnya, supaya engkau menghukum antara manusia menurut apa yang diberitahu oleh Allah kepadamu janganlah engkau menjadi pembela orang-orang yang khianat.

“Mintalah ampun kepada Allah (kerana engkau tergerak di hati tidak membela Ta'amah dan menghukum Yahudi itu) sesungguhnya Allah Pengampun lagi Penyayang.

“Janganlah engkau membela orang-orang yang berkhianat kepada diri mereka sendiri, sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang pengkhianat lagi berdosa.

“Mereka bersembunyi daripada manusia (kerana takut atau malu) tetapi mereka tidak pula bersembunyi daripada Allah (yang sepatutnya ditakuti dan disegani), yang ia berserta mereka (mengetahui hal mereka satu persatu) ketika mereka (mengetahui hal mereka satu persatu) ketika mereka menyembunyikan di hati dan memalsukan kata-kata yang tidak disukai olehnya (seperti menuduh orang dengan aniaya. Bersumpah bohong dan menjadi saksi dusta), Allah meliputi pengetahuannya akan apa yang mereka kerjakan.

“Wahai kamu sekalian (yang telah membela Ta'amah dan kaumnya) kamu telah membela mereka ketika hidup di dunia. Maka siapakah yang akan membela mereka pada hari akhirat kelak? Atau siapakah yang akan menjadi pulang bagi mereka (yang akan melindungi mereka daripada azab Allah di sana?).

Barangsiapa yang mengerjakan kejahatan atau menganiaya dirinya sendiri kemudian ia meminta ampun kepada Allah. Nescaya ia mendapati Allah Pengampun lagi Penyayang.

Barangsiapa yang berbuat dosa sesungguhnya perbuatannya itu merosakkan dirinya sendiri Allah mengetahui lagi Bijaksana.

“Barangsiapa yang berbuat kesalahan kecil atau besar, kemudian ia tidak mengaku lalu menuduh orang lain pula, maka sesungguhnya ia telah menanggung (melakukan) dusta dan dosa yang terang nyata.

“Jika tidaklah kerana kurnia Allah dan rahmat-Nya kepadamu (dengan mewahyukan kedudukan perkara itu

PELADANG

Pada aku bergantung beberapa harap

P Fakir pandai menyuruh kerap **P**

Pucuk kemajuan akulah memirap

Pelombong penempa berkencang kirap

Lunas kesihatan padaku handal

L Lamun aku berkeadaan madal **L**

Lain pekerja semua sempodal

Lemah sekalian kaum pemodal

Apabila keadaanku tak huru hara

A Elak kesenangan jauh mara **A**

Ahli buruh tenaga tak lara

Ahli perniagaan senang berbicara

Diberkatkan Allah berganda-ganda

D Dengan peladang dibenci tiada **D**

Dikasih rakyat dipuji berganda

Demikianlah halnya dipandang ada

Ngerjakan ladang hendaklah garang

NG Ngukuhkan semangat kedap tak sirang **NG**

Ngelokkan fikiran jangan bercarang

Ngeluarkan tenaga sentiasa tak jarang

Harun D.L. Singapura

WASIAT YANG BERTAMBAH

Janganlah orang merasa malu berkata “tak tau” apabila ditanya perkara yang ia tak tau : Dan janganlah orang malu belajar apa yang ia tidak tau – baginda Ali.

-----*-----*-----

Sabar itu dua macam: Sabar dalam menjauhkan apa yang engkau tidak suka dan sabar di dalam mengajar apa yang engkau suka – baginda Ali.

-----*-----*-----

Barangsiapa menjadikan dirinya seorang ketua, maka hendaklah ia mulai mengajar dirinya sebelum ia mengajar orang lain - baginda Ali.

-----*-----*-----

Jangan hinakan usaha orang yang lemah, kerana terkadang-kadang ular yang besar boleh mati dengan sengatan kala jengking – syair Islam.

-----*-----*-----

Yang terlebih baik daripada kebaikan itu ialah orang yang berbuat kebajikannya; dan yang lebih jahat daripada kejahatan itu ialah orang yang mengerjakan kejahatan – al-Muqri.

-----*-----*-----

Menolak dengan cara yang halus itu lebih baik daripada memberi dengan cara yang kasar. – hakim Islam.

-----*-----*-----

Pandanglah manusia itu seperti ibu, saudara anakmu, seterusnya buatlah baik kepada ibu bapamu, dan tolonglah saudaramu, dan kasihanilah anakmu – hakim Islam.

suatu hari ia telah terperangkap lalu direjam oleh orang ramai dengan batu sehingga mati.

Demikianlah keadilan yang dianjurkan oleh Islam meliputi hatta kepada orang Yahudi yang terkenal menjadi musuh ketatnya.

Maha Suci Tuhan.

dengan jelasnya) nescaya bercita-cita suatu kumpulan di antara mereka hendak menyesatkanmu (daripada menjalankan hukuman yang benar pada hal mereka tahu bahawa perkara itu salah). Tidaklah mereka menyesatkan melainkan diri mereka sendiri, dan tidak boleh mereka membahayakan mu (kerana engkau maksum – terpelihara daripada melakukan dosa). Allah menurunkan Quran dan ilmu pengetahuan kepadamu dan diajarkannya apa-apa yang belum engkau ketahui. Adalah limpah kurnia Allah kepadamu – hai Muhammad – terlalulah besarnya.

Setelah rahsia Ta'amah – si pencuri itu – terhebah maka iapun melarikan diri dari Madinah menuju ke Makkah lalu berpaling tadah daripada Islam (murtad). Tetapi oleh kerana tabiat mencuri itu telah menjadi daging darahnya maka iapun melakukannya berkali-kali, sehingga pada